

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 27/09/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 24
Tajuk : ANGKASA bantu golongan gelandangan



Abdul Fattah (tiga kanan) mendengar penerangan pada program Tautan Kasih Bersama Gelandangan.

Angkasa bantu golongan gelandangan

KUALALUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan membantu golongan gelandangan yang memiliki kemahiran bagi mengubah masa hadapan golongan itu menjadi lebih baik.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, golongan gelandangan perlu dibantu dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana ada dalam kalangan mereka memiliki kemahiran yang boleh diketengahkan.

"Mungkin ada dalam kalangan mereka ini boleh menjahit, membuat kek atau sebagainya. Kita sedia mem-



Kita sedia membantu, mereka hanya perlu datang ke cawangan Angkasa untuk berbincang bentuk bantuan yang boleh diberikan seperti dana mikro kredit."

- Abdul Fattah

bantu, mereka hanya perlu datang ke cawangan Angkasa untuk berbincang bentuk bantuan yang boleh diberikan seperti dana mikro kredit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berhasrat untuk memperluaskan lagi program bantuan kepada golongan gelandangan ke seluruh negara

dan tidak hanya tertumpu di ibu negara sahaja.

"Bantuan kepada golongan ini perlu dilaksanakan dengan kerjasama organisasi bukan kerajaan yang lain," katanya.



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA